

Pendekatan Sensitif Budaya dalam Pendidikan Kesihatan Seksual dan Reproduksi



Pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif (KSR) telah menjadi isu penting dalam masyarakat moden dan menuntut perhatian yang serius bagi mengatasi masalah ini. Hal ini dapat dilihat melalui laporan tentang penderaan seksual dan fizikal terhadap kanak-kanak yang kerap kali menjadi tajuk utama dalam media nasional.

Generasi ibu bapa kini yang memiliki anak remaja dibesarkan dalam persekitaran yang menganggap perbincangan tentang keseksualan sebagai perkara yang sangat peribadi dan jarang-jarang dibincangkan. Ketiadaan dialog terbuka ini boleh mengakibatkan kekeliruan dan kekurangan maklumat yang penting bagi remaja dalam membuat keputusan yang sihat berkaitan dengan kesihatan seksual dan reproduktif.

Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk meningkatkan kesedaran dan melengkapkan ibu bapa dengan kemahiran yang diperlukan bagi membincangkan isu ini dengan anak mereka. Satu daripada kaedah yang berkesan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran tersebut adalah melalui penggunaan buku rujukan pendidikan.

Tajuk : *Berbual-bual dengan Anak tentang Seksualiti*

Penulis : Wan Nur Syakira

Tahun : 2023

Terbitan: Karya Bestari

Harga : RM28.00

Buku *Berbual-bual dengan Anak tentang Seksualiti (BBDATS)* karya Wan Nur Syakira Wan Musa menawarkan pendekatan yang menarik dalam pendidikan seksual dengan mengintegrasikan perspektif Islam. Pengintegrasian ini sangat relevan di Malaysia bagi memenuhi keperluan populasi negara ini yang majoritinya beragama Islam. Penyesuaian kandungan buku ini terhadap norma budaya dan agama juga secara tidak langsung memastikan pendidikan SRH disampaikan dengan kaedah yang lebih sensitif dan berkesan.

Ketersediaan dan Penggunaan Buku

Buku *BBDATS* dipilih atas beberapa faktor penting. Pertama, terdapat kekurangan sumber yang menyediakan panduan teknikal yang komprehensif tentang cara berkomunikasi mengenai keseksualan dengan anak secara berkesan. Walaupun banyak buku yang membahaskan tentang topik pendidikan seksual, namun hanya segelintir yang membincangkan strategi yang praktikal dan memberikan panduan khusus untuk ibu bapa yang ingin berbual-bual tentang topik ini dengan anak mereka.

Selain itu, buku ini agak menarik perhatian kerana fokusnya yang menggabungkan perspektif Islam dalam membahaskan isu mengenai keseksualan. Di negara yang majoritinya beragama Islam seperti Malaysia, norma budaya dan agama sangat mempengaruhi sikap masyarakat terhadap keseksualan.

Oleh hal yang demikian, bagi memenuhi keperluan keluarga Muslim dan menghormati kesensitifan budaya dan agama, *BBDATS* mengisi jurang tersebut dalam literatur pendidikan seksual.

Proses ulasan buku ini dilakukan dengan menggunakan lembaran penilaian buku dan garis panduan yang dicadangkan oleh Lee *et al.* (2010). Garis panduan tersebut telah dibangunkan melalui kajian literatur yang menyeluruh yang menyatukan beberapa kerangka kerja yang sedia ada untuk melaksanakan ulasan buku secara efektif.

Buku *BBDATS* boleh didapati di kebanyakan kedai buku tempatan serta platform dalam talian seperti Shopee. Matlamat utama buku ini adalah untuk melengkapkan ibu bapa dengan kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk membincangkan isu keseksualan secara terbuka dan berkesan. Usaha ini bertujuan mewujudkan suasana kepercayaan dan keterbukaan dalam keluarga bagi memastikan anak menerima maklumat yang tepat dan berasaskan nilai.

Buku ini terdiri daripada 18 bab. Teknik soalan dalam situasi tertentu digunakan dalam beberapa bab bagi menimbulkan rasa ingin tahu dan membantu pembaca dalam memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam. Keseluruhan bab dalam buku ini mencakupi lima dimensi pendidikan keseksualan yang penting, iaitu biologi, intelek, emosi, sosial dan spiritual.

Buku ini juga menampilkan beberapa elemen teknikal yang menarik untuk diteroka. Penggabungan sumber ilmu agama Islam seperti al-Quran dan hadis dengan teknik penceritaan yang menarik, termasuklah dialog, sorotan, seksyen soal jawab, senarai semak dan panduan langkah demi langkah menjadikan buku ini sangat relevan. Gabungan yang teliti ini membantu pembaca mengaitkan prinsip asas kehidupan dengan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk proses komunikasi yang berkesan.

Pengintegrasian Teks Agama dan Penggunaan Hadis

Pengintegrasian teks agama dalam buku *BBDATS* memberikan konteks yang relevan secara budaya dan spiritual serta meningkatkan kredibiliti dan penerimaan kandungan dalam kalangan pembaca Muslim. Penulis banyak menggunakan ayat al-Quran yang selari dengan mesej yang ingin disampaikan.

Misalnya, pada permulaan buku, penulis memilih ayat dari *Surah al-Mu'minun* yang menceritakan kriteria penghuni syurga serta hubungannya dengan amalan menjaga maruah diri. Pada halaman 73, penjelasan mengenai konsep dan proses penciptaan manusia

juga disertakan yang menjadi topik penting dalam perbincangan tentang pembiakan.

Begitu juga apabila penulis merujuk ayat 222 dalam *Surah al-Baqarah* mengenai kitaran haid wanita dan larangan bagi suami untuk melakukan hubungan intim dengan isterinya semasa haid yang menunjukkan kebersihan sebagai pertimbangan utama. Hal ini menunjukkan bahawa Islam telah menyediakan panduan asas untuk pendidikan SRH.

Penggunaan hadis yang merupakan catatan perkataan dan tindakan Nabi Muhammad SAW juga banyak terdapat dalam teks dan memainkan peranan penting dalam buku ini. Penulis buku ini merujuk hadis pada halaman sembilan ketika memulakan perbincangan mengenai perasaan cinta.

Hadis ini digunakan untuk menjelaskan mengenai sentuhan fizikal dalam memahami bahasa cinta kanak-kanak.

Pada halaman 53, penulis mengaitkan hadis mengenai sifat malu ketika memulakan perbincangan tentang perasaan malu. Pada halaman 96 dan 122 pula, penulis menyebutkan hadis mengenai satu daripada prinsip utama dalam pendidikan seksual, iaitu pemisahan tempat tidur anak daripada ibu bapa dan larangan berkongsi selimut yang sama. Selain itu, pada halaman 125, penulis membincangkan hadis yang menerangkan konsep dan manfaat berkhatan.

Penggunaan Dialog dan Teknik Bercerita

Satu daripada elemen menarik yang diketengahkan oleh penulis buku ini

ialah penggunaan dialog. Teknik ini sangat berkesan untuk buku teknikal kerana membolehkan ibu bapa menggunakan maklumat tersebut secara langsung.

Pada halaman 60 hingga 71, penulis menggunakan dialog antara seorang anak dengan ibunya untuk membincangkan proses kelahiran. Seterusnya, pada halaman 120 dan 121, teknik dialog digunakan untuk membimbing ibu bapa tentang cara menjawab pertanyaan anak lelaki tentang ereksi.

Pada halaman 127 pula, teknik ini digunakan sekali lagi untuk menerangkan kepada ibu bapa mengenai cara mendidik anak lelaki tentang penjagaan alat kelamin. Dialog juga digunakan pada halaman 133 dan 134 untuk menjelaskan proses haid yang dialami oleh wanita.

Secara umumnya, penggunaan dialog dalam buku ini sangat ketara, terutamanya ketika membincangkan subjek alat kelamin, yakni topik yang jarang-jarang dibincangkan oleh ibu bapa. Melalui penyajian dialog yang lebih praktikal, buku ini menyediakan contoh kepada ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka dengan lebih baik.

Penggunaan Panduan Langkah demi Langkah dan Senarai Semak

Walaupun jumlahnya terhad, penggunaan panduan langkah demi langkah dalam buku ini terbukti berkesan untuk menerangkan proses tertentu. Panduan ini memberikan arahan yang jelas dan boleh dilaksanakan yang memudahkan pembaca untuk melaksanakan nasihat tersebut dalam situasi sebenar.

Sebagai contoh, penulis menggunakan teknik ini untuk

menjelaskan cara menetapkan had masa skrin untuk penggunaan telefon dan iPad oleh kanak-kanak pada halaman 92 dan 93. Pada halaman yang sama, penulis buku juga menyediakan langkah untuk menyekat akses kepada aplikasi Roblox.

Penulis berpendapat bahawa teknik ini sangat berguna dan sepatutnya merangkumi tetapan aplikasi lain yang boleh memberikan kesan yang negatif kepada perkembangan mental kanak-kanak. Topik lain yang boleh dijadikan fokus termasuklah cara menyekat beberapa laman web oleh ibu bapa serta panduan langkah demi langkah mengenai penggunaan aplikasi Google Family Link.

Dalam buku ini juga, penulis buku menggunakan senarai semak untuk menekankan beberapa perkara penting yang perlu diketahui oleh ibu bapa ketika membincangkan isu keseksualan dengan anak mereka. Sebagai contoh, pada halaman 138, senarai semak digunakan untuk menerangkan persiapan yang perlu dibuat oleh ibu bapa bagi pengalaman haid anak perempuan mereka.

Menjelang penghujung buku, yakni pada halaman 176 hingga 178, senarai semak juga digunakan untuk merumuskan topik yang berkaitan dengan keseksualan yang perlu dibincangkan dengan anak mengikut kumpulan umur mereka. Senarai semak ini menyoroti beberapa perkara utama yang akan memastikan pembaca tidak terlepas maklumat penting dan seterusnya membantu dalam pemahaman dan ingatan.

Penggunaan Soal Jawab

Penggunaan seksyen soal jawab dalam buku ini memberikan perspektif yang menyegarkan dengan mengetengahkan aspek kehidupan sebenar dalam keibubapaan. Penulis buku menggunakan beberapa seksyen soal jawab dalam seluruh buku untuk menjawab pertanyaan lazim daripada ibu bapa.

Sebagai contoh, pada halaman 36, penulis menjawab pertanyaan ibu bapa mengenai kesesuaian untuk mencium anak di bibir. Pada halaman 65 pula, seksyen soal jawab menerangkan alasan pasangan yang mungkin mempunyai anak selepas perkahwinan.

Selain itu, pada halaman 115, terdapat soal jawab yang membincangkan kebenaran untuk kanak-kanak mandi bersama. Penambahan seksyen soal jawab ini selaras dengan topik yang dibincangkan dan menyediakan contoh soalan lazim yang mungkin ditanyakan oleh ibu bapa.

Keunikan Buku

Satu daripada aspek unik buku ini ialah kebolehan penulis untuk menangani topik yang sensitif dan sukar dengan gaya naratif yang santai dan mudah didekati. Walaupun kandungan buku ini padat, namun kandungannya praktikal dan menjadikan setiap halaman sangat berbaloi untuk dibaca, terutamanya oleh ibu bapa yang baru mula membina keyakinan dalam berkomunikasi dengan anak yang berusia 12 tahun dan ke bawah.

Dalam konteks kekurangan buku di Malaysia yang membincangkan isu

ini secara teknikal untuk pembaca Muslim, buku ini amat baik untuk dijadikan sebagai rujukan. Tambahan pula, keunikan buku ini terletak pada penyediaan garis panduan yang jelas untuk membincangkan keseksualan dengan anak-anak.

Perbincangan Isu Semasa

Buku ini juga berjaya membincangkan isu semasa yang berkaitan dengan keseksualan sebagai persediaan pengetahuan untuk ibu bapa menghadapi cabaran ideologi semasa. Antara topik semasa yang dibincangkan termasuklah isu mengenai ideologi transgender serta lesbian, gay, dwiseksual dan transgender, pengukuhan identiti dan jantina, fenomena homoseksualan di sekolah, pornografi dan pemangsa seksual kanak-kanak. Perbincangan mengenai setiap isu ini dari perspektif Islam adalah penting untuk memastikan pendidikan ibu bapa selaras dengan norma budaya dan garis panduan agama.

Kelemahan dan Cadangan

Walaupun buku *BBDATS* mempunyai kekuatan yang ketara, namun terdapat beberapa aspek yang boleh diperbaiki. Satu daripadanya ialah kekurangan konsistensi dalam tajuk kecil bagi setiap bab yang seharusnya memudahkan pembaca mengaitkan bacaan semasa dengan tajuk bab tertentu.

Selain itu, dalam bab 16, penulis hanya memberikan contoh untuk beberapa tip mengenai cara mengajar anak-anak mencintai

identiti jantina mereka. Penyediaan contoh yang lebih menyeluruh bagi setiap aspek dalam bab ini, khususnya berkaitan dengan cara berkomunikasi mengenai keistimewaan dan kebaikan menjadi lelaki atau wanita dilihat sebagai sesuatu yang amat bermanfaat.

Selanjutnya, dalam membincangkan peningkatan kadar jangkitan virus kurang daya tahan manusia (HIV), persembahan maklumat boleh diperbaiki dengan memasukkan graf yang memaparkan trend semasa kaedah penularan HIV. Penyertaan elemen visual seperti ini dapat membantu pembaca memahami situasi semasa dengan lebih jelas dan komprehensif.

Kesimpulannya, buku *BBDATS* membuka jalan baharu dalam pendidikan KSR di Malaysia dengan cara yang sensitif dan inklusif. Melalui pendekatan yang inovatif dan penggunaan bahan daripada sumber agama Islam, buku ini tidak hanya berfungsi sebagai panduan praktikal bagi ibu bapa, malah menjadi lonjakan bagi masyarakat untuk lebih terbuka dalam mendidik generasi muda mengenai isu yang sensitif dengan penuh kebijaksanaan dan kefahaman. 📖